

# Ketar lihat nahas ngeri

24/10/12 Metro 6.

## Tubuh wanita dirempuh kereta hampir putus dua

>>Oleh Ramli Ibrahim  
am@hmetro.com.my

**G**UA MUSANG: “Sejurus terdengar dentuman kuat, tubuh saya menggigil apabila melihat seorang wanita berlumuran darah dan tubuhnya hampir putus dua di bahagian pinggang akibat diseret kereta.”

Demikian kata lelaki yang mahu dikenali sebagai Husin, 45, saksi kemalangan ngeri di Kilometer 10 Jalan Gua Musang-Kuala Krai, berhampiran Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kese-

dar Renok Baru, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.30 pagi itu, mangsa yang juga ibu kepada tiga anak, Halijah Satar, 26, dari Kampung Batu Dua, Kuala Nerus, dekat sini, mati di tempat kejadian akibat cedera parah di badan.

Rakannya, Masitah Ramli, 30, membonceng motosikal ditunggang Halijah cedera parah dan kini dirawat di Hospital Kuala Krai.

Dalam kejadian itu, motosikal dinaiki mereka diketakan dirempuh sebuah Proton Satria yang gagal me-

motong sebuah lori, menyebabkan Halijah terseret di bawah kereta itu dalam jarak beberapa meter.

Bagaimanapun, pemandu dan penumpang Proton Satria, dipercayai pasangan kekasih berusia 20-an tidak cedera.

Menurut Hussin, ketika kejadian, dia di dalam rumah dan segera keluar sebaik mendengar dentuman kuat.

“Keadaan ketika itu masih gelap dan berkabus. Apabila tiba di tempat kejadian, saya dapati berlaku kemalangan membabitkan sebuah kereta dan motosikal.



**MAUT...ahli keluarga mangsa melihat jenazah Halijah (gambar kecil) selepas bedah siasat di Hospital Gua Musang, semalam.**

“Apabila saya hampiri motosikal dan kereta itu, saya lihat ada dua wanita bergelimpangan tidak sedarkan diri dengan tubuh seorang daripadanya hampir putus dua di bahagian pinggang,” katanya.

Sementara itu, ibu Halijah, Asiah Ekram, 52, berkata, anaknya bekerja sebagai pembantu kedai makan di

bandar ini dan ketika kejadian, mangsa dalam perjalanan pulang ke rumah selepas bertemu rakan.

“Arwah kebiasaannya habis bekerja pada jam 4 pagi dan sebelum kejadian, dia bertemu rakannya di RKT Kesedar Renok Baru selepas habis bekerja.

“Saya dimaklumkan mengenai kemalangan itu pada

jam 7 pagi dan terus ke hospital. Pili melihat keadaan mayat arwah apatah lagi apabila terkenang nasib tiga anaknya dan suaminya pula bekerja di Singapura,” katanya.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Saiful Bahri Abdullah ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kemalangan itu.